

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di sekolah menengah

ABSTRAK

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tajuk mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan (LK) yang sukar difahami, mengetahui masalah dan keperluan utama pelajar dan guru dalam pelaksanaan LK di sekolah menengah. Seramai 40 orang guru mata pelajaran LK di negeri Melaka dan 138 orang pelajar dari tiga daerah di negeri Pahang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah set soal selidik berskala Likert lima poin dan soalan respon terbuka. Indeks kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan mempunyai nilai alpha Cronbach 0.82. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 12.0 dengan menghasilkan peratus dan frekuensi, manakala analisis soalan respon terbuka dimulakan dengan merekodkan jawapan bertulis peserta untuk mendapatkan data mentah, kemudiannya data ini ditranskripsikan ke komputer dan dianalisis secara manual. Data dikod dan dikategorikan mengikut tema yang khusus. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tajuk yang sukar difahami oleh pelajar iaitu gabungan tajuk Tangen dan Pandangan Tambahan. Antara permasalahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran LK adalah kekurangan bahan bantu mengajar, bahan rujukan, peralatan pengajaran dan pembelajaran LK dan kemudahan teknologi maklumat yang tidak mencukupi, kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan, sikap pelajar terhadap pembelajaran LK dan waktu pengajaran dan pembelajaran LK yang tidak mencukupi. Keperluan yang amat diperlukan adalah bahan bantu mengajar dalam bentuk modul dan perisian, kemudahan peralatan dan bilik LK yang selengkapnya, kemudahan teknologi maklumat yang secukupnya dan keperluan menambah waktu pengajaran dan pembelajaran LK.

Kata kunci: Lukisan kejuruteraan; Bahan bantu mengajar; Kaedah pengajaran; Modul pengajaran dan pembelajaran; Teknologi maklumat dan komunikasi